

31/08/2003

Merdeka, Merdeka, Merdeka!

PAGI ini kita harus menoleh ke belakang dan terpenting melihat ke muka yang deras berubah di depan mata kita.

Empat dekad enam tahun satu masa yang lama (tidak panjang dalam sejarah) dalam evolusi, pembangunan dan riwayat seorang manusia dan negara.

Bangsa Melayu masih terdapat-dinamism yang bakal menggerakannya dan Malaysia sebagai pusat tamadun dan kemajuan bagi manusia, bukan sekadar jirannya saja. Kemungkinan kita menjadi tumpuan sejagat wujud, lebih lekas menjadi kenyataan andainya bangsa Melayu cepat berubah sikap: memandangi ke depan bukan ke belakang.

Dunia kini menghadapi krisis yang tidak dinyatakan iaitu pertembungan dua tamadun, Clash of Civilisations, pertembungan antara tamadun Judeo-Kristian (Yahudi-Kristian) dan Islam. Dalam discordance ini yakni ketiadaan keserasian (dalam bahasa halus), Judeo-Kristian lebih bersedia, lebih mampu, lebih gagah untuk menghalang kemaraan seterunya.

Dalam negeri pula, ada perasaan tidak rasi antara Islam moden, toleran dan gentle dengan Islam yang keras, total yang dilihat sebagai oppressive, kejam. Islam yang toleran, confident, bertimbang rasa dan terbuka kepada pelbagai ilmu pengetahuan yang membangunkan empayar dan tamadun Islam hampir ke pinggir pusat tamadun Yahudi - Kristian, sudah pun satu masa ke serambi mereka. Banyak pelajaran kita boleh dapati bagi menghidupkan semula tamadun Islam yang mengagumkan dunia Barat.

Orang Islam sekarang tanpa mengira bangsa dan negara (selain daripada negara-negara konco) jadi target kesangsian, sebenarnya kebencian dan permusuhan orang dan negara Kristian yang ekstrim atau fundamentalis. Yahudi, tak usah kira lagilah. Kita telah sampai ke peringkat depan di atas pentas dunia dan kalau kita lebih bijak dan berani main catur politik antarabangsa dan diplomasi, peranan kita lebih besar dan berpengaruh lagi.

Bangsa Melayu telah banyak berubah tetapi bagi saya masih banyak lagi yang mesti dilakukan sesuai dengan tuntutan zaman. Kita telah menikmati kemakmuran, keamanan dan kehormatan (dari orang asing). Kita kini kononnya tuan: Benarkah kita tuan? Kata seorang pemimpin kepada saya apabila berbincang dengannya tentang ketuanan Melayu (Malay dominance), "...satu bangsa itu hanya dominan kalau majoriti bangsa itu sudah kaya, terpelajar. Tidak mungkin dominan kalau ramai mereka pemandu kereta".

Kita menghadapi pelbagai masalah, kita sampai ke tahap ini pun melalui bak kata Mat Saleh: through trials, errors and tribulations - pelbagai ujian dan kesukaran - tetapi kita tidak berputus asa. Kita tidak mudah lari dan undur. Benarkah ini? Sebahagian besarnya begitulah. Bayangkan kalau semua manusia Melayu bersikap jitu, positif dan berpandangan jauh di mana kita sebagai bangsa berada sekarang.

Kita mesti teruskan perjuangan mengisikan kemerdekaan, walaupun sudah 46 tahun sebenarnya destinasi kita masih jauh lagi. Kita sekarang masih berada di tahap transition yakni masa peralihan. Tengku Abdul Rahman Putra membebaskan kita daripada penjajahan British.

Tun Razak telah menukarkan wajah Malaysia dan Melayu melalui Rancangan Pembangunan Luar Bandar, pembukaan tanah dan hutan rimba; terpenting melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Tun Hussein Onn, mewarisi kerusi Perdana Menteri kerana kematian mengejut Tun Razak. Selama dia memimpin dia meneruskan warisan Tun Razak sedayanya yang terhad itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mentadbir negara selama hampir 23

tahun - Tengku (13 tahun), Tun Razak (lima tahun), Tun Hussein (juga lima tahun) - akan melepaskan tugasnya akhir bulan Oktober depan. Kepemimpinan Dr Mahathir sama lama dengan jumlah pentadbiran tiga Perdana Menteri yang terdahulu daripadanya, satu rekod yang sukar dipecah dalam demokrasi baik di manapun.

Impak Dr Mahathir

PADA saya, impak terbilang Dr Mahathir ialah kita mulai mengenali siapa kita, bangsa dan negara kita terkenal di pentas dunia. Pelancongan menjadi satu industri besar, Petronas dan syarikat Malaysia wujud di banyak negara (dan berjaya). Ramai anak watan menjadi manusia global. Dr Mahathir menjadi jurucakap Islam dan negara-negara membangun. Malaysia disegani kerana kita makmur, aman, stabil. Dr Mahathir berjaya di mana Presiden Sukarno gagal kerana Indonesia di bawahnya miskin walaupun suaranya dihormati dunia semasa alam semesta ada dwi-kuasa besar - Amerika Syarikat dan Soviet Union.

Masa kita bergembira kerana kejayaan, negara disegani musuh dan kawan, kita harus bersyukur apa yang telah dianugerahi oleh Allah SWT dengan kepimpinan yang baik. Kita bebas tetapi masih ramai ummah dibelenggu penjajah - Palestin, Iraq dan ramai pula di bawah pemerintahan kuku besi, tidak ada demokrasi, tidak kenal apa itu kedaulatan dan kuasa rakyat. Kepada mereka pada hari bahagia ini kita menitis air mata dengan doa restu mereka juga akan bebas dan dihormati seperti kita satu hari kelak.

Benarkah kita kini bebas? Ia dan tidak. Kebebasan bukan hanya untuk sebuah negara. Kemerdekaan juga bagi individu. Kebebasan untuk mengamalkan kepercayaan masing-masing, hobi, minat (yang tidak bercanggah dengan undang-undang) tanpa gangguan, dalam keadaan selesa, tidak takut untuk berusaha mengejar ilmu apa pun yang boleh memperkasakan diri, watan dan bangsa.

Kebebasan, seperti agama, adalah satu penggerak (motive) yang membawa kita mahu melakukan kebaikan, ia juga satu motive yang membawa kepada kemungkarannya kalau disalahgunakan.

Pada hemat saya seseorang bahkan sebuah negara dan satu bangsa tidak tulen merdeka selagi ia tidak membebaskan dirinya dari kejahilan, selagi ia tidak bebas berfikir dan menguasai ekonomi.

Biar jiwa kita bebas dari jadi hamba yang kaya. Seperti ditegaskan oleh Victor Hugo: Liberation is not deliverance. Kita harus mengisinya. Kemerdekaan siasah tidak mencukupi tanpa menguasai ekonomi dan tamadun.